

## MAKNA "ANAK" DALAM ORDINAN PEREMPUAN BER-SUAMI DAN KANAK-KANAK (NAFKAH), 1950: *KULASINGAM v. RASAMMAH*<sup>1</sup>

Kes *Kulasingam v. Rasammah* ini adalah penting dari segi tafsiran yang diberi kepada perkataan "anak" dalam Ordinan Perempuan Bersuami dan Kanak-Kanak (Nafkah) 1950.<sup>2</sup> Seksyen 3(1) Ordinan ini memperuntukkan bahawa "sekiranya seseorang itu cuai atau enggan memberi nafkah kepada isterinya atau anaknya yang sahtaraf dan yang tidak boleh menanggung dirinya sendiri, maka mahkamah boleh memerintahkannya memberi elaun bulanan untuk nafkah isterinya atau anaknya mengikut kadar yang munasabah." Seksyen ini wujud selama tiga puluh dua tahun dan dalam tempoh itu beberapa kes telah pun diputuskan berkenaan dengan tafsirannya. Tetapi antara ke semua kes tersebut tidak ada satu pun yang membincangkan makna "anak" seperti digunakan dalam seksyen itu. Biasanya sesuatu statut ada seksyen khas untuk tafsiran yang menetapkan makna yang diberi kepada perkataan-perkataan tertentu yang digunakan. Biasanya perkataan "anak" ditafsirkan dengan memberi had umur bagi menentukan siapakah "anak" dan tafsiran itu berlainan antara suatu statut dengan statut yang lain. Namun begitu, Ordinan Perempuan Bersuami dan Kanak-Kanak (Nafkah), 1950 tidak memberi takrif untuk perkataan "anak". Oleh itu, persoalan yang timbul ialah: sehingga umur berapakah seorang bapa itu mesti menanggung anaknya yang tidak boleh menanggung dirinya sendiri?

Dalam kes *Kulasingam v. Rasammah*, seorang isteri yang telah meninggalkan suaminya menuntut nafkah dari suaminya untuk dirinya sendiri, dan juga untuk anak perempuannya yang berumur dua puluh tahun dan masih belajar di universiti. Majistret yang membicarakan kes itu memutuskan bahawa si isteri ada sebab-sebab yang munasabah untuk meninggalkan suaminya dan oleh itu tidak hilang haknya mendapat nafkah. Seterusnya be-

<sup>1</sup>[1981] 2 M.L.J. 36

<sup>2</sup>Ordinan ini telah disemak dan kini bertajuk Akta Perempuan Bersuami dan Kanak-Kanak (Nafkah) 1950, Akta 263.

liau membuat perintah supaya si suami membayar sebanyak \$350 sebulan untuk si isteri dan anak perempuannya itu.

Si suami tidak puashati dengan keputusan ini dan membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi. Antara alasan-alasan yang dikemukakan olehnya adalah alasan bahawa anak perempuannya yang berumur dua puluh tahun itu tidak berhak mendapat nafkah daripadanya sebab menurut Akta Umur Dewasa, 1971,<sup>3</sup> anak itu sudah dewasa dan bukan lagi seorang "anak" seperti dimaksudkan dalam S. 3. Alasan yang seiring adalah alasan bahawa seorang bapa tidak ada tanggungjawab di sisi undang-undang untuk memberi pelajaran kepada anaknya dan oleh itu tidak boleh diberi perintah di bawah Ordinan Perempuan Bersuami dan Kanak-Kanak (Nafkah) 1950 supaya membiayai pelajaran anaknya.

Tuan Hakim Hashim Yeop A. Sani yang mendengar rayuan tersebut menerangkan bahawa Akta Umur Dewasa 1971 memperuntukkan bahawa umur remaja terhad kepada lapan belas tahun dan sesiapa yang sudah mencapai umur itu akan dianggap sebagai dewasa. Hakim menerangkan lagi bahawa ada seksyen kecualian yang memperuntukkan bahawa Akta Umur Dewasa itu tidak menyentuh (i) keupayaan mana-mana orang dalam perkara-perkara perkahwinan, perceraian, "mas kahwin" dan pengambilan anak angkat atau (ii) ugama dan upacara ugama atau (iii) peruntukan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang menetapkan umur dewasa yang lain bagi maksud undang-undang bertulis itu. Yang Arif Hakim memutuskan bahawa oleh kerana Ordinan Nafkah tidak memberi takrif "anak", Akta Umur Dewasa mesti dipakai dan dengan itu umur lapan belas tahun dipakai untuk had umur bagi "anak" dalam Ordinan Nafkah. Sebagai sokongan untuk pandangannya itu, beliau merujuk kepada beberapa statut yang lain dan kepada kes *Yong May Imm v. Sia Kuan Seng*.<sup>4</sup> Dalam kes tersebut mendiang Hakim Sharma telah menggunakan perkataan "remaja" [infants] apabila beliau membuat perintah untuk membayar nafkah.

Statut-statut yang disebutkan oleh Hakim adalah the United Kingdom Children Act, 1975, Ordinan Perceraian 1952, dan

<sup>3</sup>Akta 21.

<sup>4</sup>[1971] 1 M.L.J. 280.

Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, yang kesemuanya mengandungi takrif "anak" sebagai seseorang yang belum mencapai umur lapan belas tahun. Hakim yang bijaksana itu berpendapat bahawa statut-statut tersebut menggambarkan pandangan perundangan (legislative thinking) mengenai hal ini dan ini menyokong keputusannya bahawa Akta Dewasa mesti dipakai untuk menentukan hingga umur berapakah anak sahtaraf berhak mendapat nafkah di bawah S. 3(1). Dengan keputusan ini, rayuan si bapa dari segi undang-undang telah berjaya tetapi jumlah \$350 sebulan yang ditetapkan oleh Majistret tidak dikurangkan oleh Hakim.

Oleh kerana keputusan mengatakan bahawa anak yang lebih dari lapan belas tahun tidak boleh mendapat nafkah, maka Hakim berasa tidak perlu baginya membincangkan isu yang berkaitan iaitu sama ada seorang bapa bertanggungjawab untuk membiayai pelajaran anaknya. Ini sangat dikesali sebab isu itu penting. Kini lebih ramai kanak-kanak mendapat pelajaran hingga ke peringkat universiti dan biasanya mereka ini berumur lebih daripada lapan belas tahun. Kebanyakan daripada mereka belum bekerja dan tidak ada pendapatan sendiri. Sekiranya seorang bapa enggan memberi nafkah kepada anaknya yang sedang belajar di universiti siapakah yang akan menanggung anak itu? Dapatkah si anak menamatkan pelajarannya sekiranya ia tidak mendapat bantuan kewangan dari sumber yang lain? Apakah pelajaran ke peringkat universiti itu suatu keistimewaan ataupun suatu keperluan? Sekiranya keperluan, bukankah itu tanggungjawab seseorang bapa untuk memperuntukannya?

Keputusan dalam kes *Kulasingam v. Rasammah* ini adalah bahawa perkataan "anak" dalam S. 3(1) Ordinan Nafkah bermaksud seseorang yang kurang dari lapan belas tahun. Tetapi harus juga disedari bahawa perkataan yang digunakan dalam S. 3 itu bukan sahaja "anak" tetapi "anak yang tidak boleh menanggung dirinya sendiri." Apakah kesan keputusan kes ini atas rangkai kata "yang tidak boleh menanggung dirinya sendiri?" Nampaknya, dengan keputusan ini S. 3(1) bermaksud:

- (i) anak yang kurang dari lapan belas tahun dan tidak boleh menanggung dirinya sendiri boleh mendapat nafkah;

- (ii) anak yang kurang dari lapan belas tahun tetapi boleh menanggung dirinya sendiri tidak boleh mendapat nafkah;
- (iii) anak yang lebih dari lapan belas tahun tidak boleh mendapat nafkah walaupun ia tidak boleh menanggung dirinya sendiri.

Kesan yang ketiga boleh menimbulkan keadaan yang buruk bagi anak yang cacat, sakit atau tidak sempurna akal. Sekiranya umur mereka lebih dari lapan belas tahun dan bapa mereka enggan memberi nafkah, siapakah yang bertanggungjawab terhadap mereka itu? Bukankah ibu bapa yang bertanggungjawab sepanjang hidup anak mereka itu? Jika rangkai kata "yang tidak boleh menanggung dirinya sendiri" ditekankan, umur tertentu tidak perlu diberi kepada perkataan "anak" dan tafsiran S. 3(1) adalah bahawa seorang anak yang tidak boleh menanggung dirinya berhak mendapat nafkah walau berapa pun umurnya. Mungkin inilah tujuan asal Ordinan Nafkah dan sebab itulah takrif "anak" tidak diberi. Namun demikian kes *Kulasingam v. Rasammah* ini adalah nas sehingga diputuskan sebaliknya oleh Mahkamah Persekutuan ataupun sehingga suatu statut diluluskan yang memberi kesan yang lain pula.

Mehrun Siraj